

08 MAY 1998

DR MAHATHIR BERLEPAS KE KAHERAH

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kaherah, ibu negeri Mesir hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari dan untuk menghadiri Sidang Kemuncak G-15, kumpulan 16 negara-negara membangun dari Afrika, Asia dan Amerika Latin.

Ini adalah lawatan kali kedua Perdana Menteri ke Mesir selepas 14 tahun.

Delegasi seramai 24 anggota ahli perniagaan turut mengiringi Dr Mahathir yang antara lain akan turut berucap pada forum perniagaan yang dianjurkan Persekutuan Dewan Perniagaan Mesir.

Perdana Menteri juga akan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Kehormat Persuratan oleh universiti terkemuka Mesir, Al Azhar pada satu majlis pada Ahad.

Dr Mahathir yang juga akan menyampaikan ceramah di universiti itu merupakan ketua kerajaan asing yang pertama dianugerahkan dengan ijazah kedoktoran itu oleh universiti berkenaan dalam tempoh 30 tahun.

-- BERNAMA

HK RHM